Survei ini meliputi semua aktiviti ekonomi kecuali Aktiviti isi rumah sebagai majikan; aktiviti mengeluarkan barangan dan perkhidmatan yang tidak dapat dibezakan oleh isi rumah untuk kegunaan sendiri; dan Aktiviti badan dan pertubuhan luar wilayah. Maklumat tambahan permintaan buruh bagi aktiviti kewangan dan insurans/takaful turut dikumpul melalui Laporan Bulanan Statistik Pasaran Buruh (RLMS) yang dilaksanakan oleh Bank Negara Malaysia (BNM).

4. TEMPOH RUJUKAN

Survei ini dilaksanakan setiap suku tahun dengan merujuk kepada maklumat suku tahun terdahulu. Penerbitan ini melaporkan statistik tahunan (2020 - 2023) dan suku tahunan (ST1 2021 - ST3 2024).

5. KAEDAH PENGUMPULAN MAKLUMAT

Operasi pengumpulan maklumat adalah secara dalam talian iaitu menggunakan mod e-survei. Responden yang tidak menjawab e-survei juga mempunyai pilihan penghantaran soal selidik melalui mod e-mel, pos atau faks. Operasi kerja luar dan temu ramah melalui panggilan telefon akan dilaksanakan oleh penemu ramah di DOSM Negeri sekiranya belum menerima sebarang respons.

6. UNIT MELAPOR

Unit melapor bagi survei ini ialah pertubuhan. Sesebuah pertubuhan ditakrifkan sebagai “satu unit ekonomi yang bergiat di bawah satu hak milik atau penguasaan tunggal, iaitu di bawah satu entiti yang sah. Ia menjalankan satu jenis aktiviti ekonomi utama di satu tempat/lokasi fizikal”. Setiap pertubuhan diberikan klasifikasi industri berdasarkan aktiviti utamanya. Bagi pertubuhan yang menjalankan pelbagai aktiviti, unit yang bergiat dalam aktiviti yang berasingan dalam satu lokasi yang sama adalah terdiri daripada entiti pertubuhan yang berbeza. Oleh itu, setiap cawangan daripada organisasi yang mempunyai pelbagai cawangan di

lokasi yang berbeza dari segi konsep dianggap sebagai pertubuhan yang berlainan. Pertubuhan berkenaan diminta memberikan penyata yang berasingan bagi setiap kegiatannya dari segi nilai. Walau bagaimanapun, rekod biasanya disediakan secara berpusat kerana kesukaran untuk memperoleh maklumat yang berasingan bagi setiap unit atau cawangan. Entiti atau enterpris ini akan dianggap sebagai satu unit pelapor dan dibenarkan mengemukakan soal selidik yang menggabungkan semua unit atau cawangannya.

7. KONSEP DAN DEFINISI

7.1 Jawatan

Jawatan merujuk kepada jumlah buruh yang diperlukan oleh pertubuhan untuk mengeluarkan barang dan perkhidmatan pada satu masa tertentu yang merangkumi jawatan diisi dan kekosongan.

7.2 Jawatan Diisi

Jawatan diisi merujuk kepada individu yang bekerja pada akhir setiap suku tahun.

Termasuk:

- Pekerja sepenuh masa dan separuh masa;
- Pekerja tetap, sementara atau bermusim;
- Pekerja bergaji bulanan dan pekerja yang dibayar gaji berdasarkan jam bekerja;
- Pekerja yang sedang bercuti jangka pendek seperti cuti sakit atau cuti rehat; dan
- Pekerja yang baru diambil bagi mengisi kekosongan pada suku tahun berkenaan.

Pekerja sepenuh masa:

Pekerja sepenuh masa merujuk kepada mereka yang biasanya bekerja untuk **sekurang-kurangnya** enam jam sehari dan 20 hari sebulan.

Pekerja separuh masa:

Pekerja separuh masa merujuk kepada pekerja yang bekerja **kurang** dari enam jam sehari dan/atau kurang dari 20 hari sebulan.

Tidak termasuk:

- Pemilik perseorangan dan rakan niaga;
- Pekerja keluarga tanpa gaji;
- Pekerja yang terlibat dalam mogok sepanjang suku tahun berkenaan;
- Pekerja yang bercuti tanpa gaji sepanjang suku tahun berkenaan; dan
- Pekerja yang dibekalkan oleh agensi lain seperti subkontraktor dan perunding.

7.3 Kekosongan

Kekosongan merujuk kepada jawatan yang belum diisi pada akhir setiap suku tahun. Sesuatu jawatan dianggap kosong jika memenuhi kriteria berikut:

- Sesuatu jawatan wujud dan tersedia untuk diisi. Jawatan tersebut termasuk sepenuh masa/separuh masa, tetap, sementara atau bermusim;
- Kerja tersebut boleh bermula dalam tempoh masa 30 hari sekiranya calon yang sesuai diperoleh dalam tempoh tersebut; dan

- Majikan secara aktif cuba mendapatkan calon termasuk membuat pengiklanan mengenai kekosongan jawatan, mengeluarkan notis, memaklumkan kepada agensi pekerjaan awam, swasta atau kesatuan sekerja serta telah/akan menghubungi, menemu ramah atau memilih pemohon yang telah membuat permohonan.

Tidak termasuk:

- Kekosongan yang hanya boleh diisi oleh pekerja sedia ada kerana pertukaran dalaman, kenaikan atau penurunan pangkat, atau panggilan semula selepas diberhentikan;
- Jawatan yang dijangka akan diisi dalam tempoh lebih dari 30 hari;
- Jawatan yang telah diisi, tetapi pekerja tersebut belum melapor diri; dan
- Jawatan yang akan diisi oleh pekerja yang dibekalkan oleh agensi lain seperti subkontraktor dan perunding.

7.4 Pewujudan Jawatan

Pewujudan jawatan merujuk kepada jawatan yang diwujudkan dalam sesebuah organisasi di mana jawatan tersebut belum pernah tersedia sebelum ini, termasuk skim perkhidmatan yang baru digubal, jawatan yang diwujudkan untuk kenaikan pangkat pekerja sedia ada dan pertambahan bilangan jawatan daripada struktur sedia ada.

7.5 Industri

Industri dikelaskan mengikut MSIC 2018 Versi 1.0 berasaskan ISIC *Revision 4*. Industri dikategorikan kepada lima (5) sektor iaitu Pertanian, Perlombongan & Pengkuarian, Pembuatan, Pembinaan dan Perkhidmatan.

7.5.1 Pertanian merangkumi aktiviti penanaman; pemeliharaan dan penternakan haiwan dan pengeluaran produk haiwan; penebangan kayu balak dan tanaman lain; serta perikanan tangkapan dan akuakultur termasuk penggunaan sumber semula jadi tumbuh-tumbuhan dan haiwan.

7.5.2 Perlombongan & Pengkuarian termasuk pengekstrakan mineral yang terjadi secara semula jadi seperti pepejal (batu arang dan bijih), cecair (petroleum) atau gas (gas asli). Pengekstrakan boleh dijalankan melalui pelbagai kaedah seperti perlombongan bawah tanah atau dedah, pengoperasian telaga, perlombongan dasar laut dan lain-lain.

7.5.3 Pembuatan termasuk perubahan fizikal atau kimia ke atas bahan atau komponen menjadi produk baru sama ada kerja itu dilakukan oleh jentera yang dijalankan oleh kuasa atau yang dijalankan dengan tangan, sama ada dijalankan dalam kilang atau di rumah pekerja, dan sama ada barang keluaran dijual secara borong atau runcit. Pengubahan ketara, pengubahsuaian dan pembinaan semula barangan secara umumnya dianggap sebagai pembuatan.

Subsektor Pembuatan terdiri daripada tujuh (7) aktiviti iaitu:

- Prosesan makanan, minuman & produk tembakau;
- Produk tekstil, pakaian & kulit;
- Produk kayu, perabot, keluaran kertas & percetakan;

- Produk petroleum, kimia, getah & plastik;
- Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka;
- Produk elektrik, elektronik & optikal; dan
- Peralatan pengangkutan, pembuatan lain & pembaikan.

7.5.4 Pembinaan termasuk pembinaan am dan aktiviti pembinaan khas bagi bangunan dan kerja kejuruteraan awam. Ia termasuk pembinaan baru, pengubahsuaian, pembaikan dan perobohan. Pemasangan sebarang jenis jentera atau peralatan yang dipasang ketika pembinaan asal adalah diambil kira, demikian juga bagi pemasangan jentera atau peralatan selepas pembinaan asal tetapi memerlukan perubahan struktur bagi pemasangannya.

7.5.5 Perkhidmatan berkaitan Bekalan elektrik, gas, wap & pendingin udara, Bekalan air; pembentungan, pengurusan sisa & aktiviti pemulihan; Perdagangan borong & runcit, pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal, Pengangkutan & penyimpanan, Aktiviti perkhidmatan makanan & minuman dan penginapan, Maklumat & komunikasi, Aktiviti kewangan dan insurans/takaful, Aktiviti hartanah, Aktiviti profesional, saintifik & teknikal, Aktiviti pentadbiran & khidmat sokongan, Pendidikan, Aktiviti kesihatan kemanusiaan & kerja sosial, Kesenian, hiburan & rekreasi, dan Aktiviti perkhidmatan lain.

- Bekalan elektrik, gas, wap & pendingin udara** adalah ditakrifkan sebagai aktiviti pembekalan tenaga elektrik, gas asli, wap, air panas dan seumpamanya melalui satu infrastruktur (rangkaian) tetap bagi talian, saluran utama dan paip. Dimensi rangkaian ini tidak dapat ditentukan; juga termasuk pengagihan elektrik, gas, wap, air panas dan seumpamanya di kawasan perindustrian atau bangunan tempat kediaman. Oleh itu, seksyen ini termasuk operasi utiliti elektrik dan gas yang menjana, mengawal dan mengagih tenaga elektrik atau gas. Ini juga termasuk bekalan wap dan pendinginan udara elektrik;
- Bekalan air; pembentungan, pengurusan sisa & aktiviti pemulihan** meliputi aktiviti yang berkaitan dengan pengurusan sisa termasuk pungutan, perawatan & pelupusan seperti sisa terjadual, sisa pepejal & air sisa daripada perindustrian dan isi rumah, termasuk juga pemulihan bahan & tapak yang tercemar. Hasil sisa daripada proses perawatan boleh dilupus atau menjadi input kepada proses pengeluaran yang lain. Aktiviti yang berkaitan dengan perawatan dan bekalan air juga dimasukkan dalam sektor ini;
- Perdagangan borong & runcit, pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal** termasuk jualan borong dan jualan runcit (iaitu jualan tanpa proses transformasi) apa-apa jenis barangan dan perkhidmatan berkaitan dengan jualan barang. Penjualan borong & runcit adalah langkah terakhir dalam pengedaran barangan. Pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal juga termasuk di dalam seksyen ini;

- iv. **Pengangkutan & penyimpanan** meliputi pertubuhan yang menyediakan perkhidmatan darat, pengangkutan muatan melalui jalan raya, pengangkutan darat lain, pengangkutan air, penggudangan dan aktiviti sokongan seperti pengoperasian terminal, tempat letak kereta, pengoperasian lebuh raya, pengoperasian pelabuhan, pengendalian kargo/pemunggahan, agensi perkapalan & penghantaran serta lain-lain aktiviti sokongan perkhidmatan pengangkutan;
- v. **Penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan & minuman** termasuk penginapan jangka masa pendek untuk pelawat dan pengembara dan penyediaan makanan dan minuman untuk penggunaan segera. Jumlah dan jenis perkhidmatan tambahan yang disediakan di dalam seksyen ini adalah meluas kepelbagaiannya;
- vi. **Maklumat & komunikasi** terdiri daripada aktiviti penerbitan wayang gambar, video & program televisyen, rakaman bunyi & penerbitan muzik, aktiviti pemrograman & penyiaran, perkhidmatan telekomunikasi, pengaturcaraan komputer, perundingan & aktiviti yang berkaitan dan aktiviti perkhidmatan maklumat;
- vii. **Aktiviti kewangan dan insurans/takaful** adalah meliputi aktiviti perantaraan kewangan; aktiviti perantaraan kewangan lain dan aktiviti sokongan kepada perkhidmatan kewangan; aktiviti insurans/takaful, insurans/takaful semula dan tabungan pencen & hemat; dan aktiviti sokongan kepada insurans/takaful dan tabungan pencen;
- viii. **Aktiviti hartanah** termasuk tindakan seperti pemberi pajak, agen dan/atau broker di dalam satu atau lebih daripada yang berikut: penjualan atau pembelian hartanah, penyewaan hartanah, penyediaan perkhidmatan hartanah lain seperti penilaian hartanah, pengurusan hartanah atau bertindak sebagai agen hartanah eskrow. Aktiviti dalam bahagian ini mungkin dijalankan di atas hartanah milikan sendiri atau pajakan dan mungkin berlaku atas dasar bayaran atau kontrak. Termasuk juga pembangunan struktur, berserta mengekalkan hak milik atau pajakan bagi struktur tersebut;
- ix. **Aktiviti profesional, saintifik & teknikal** termasuk aktiviti profesional khusus, saintifik & teknikal yang memerlukan tahap latihan yang tinggi dan menjadikan pengetahuan dan kemahiran khusus tersedia kepada pengguna. Aktiviti yang dijalankan termasuk aktiviti guaman & perakaunan, aktiviti ibu pejabat, aktiviti perundingan pengurusan, aktiviti arkitek & kejuruteraan, ujian & analisis teknikal, penyelidikan & pembangunan saintifik, pengiklanan & penyelidikan pasaran, profesional lain, aktiviti saintifik & teknikal dan aktiviti veterinar;
- x. **Aktiviti pentadbiran & khidmat sokongan** termasuk pelbagai aktiviti yang menyokong operasi am perniagaan meliputi aktiviti sewaan & pajakan, aktiviti pekerjaan, agensi pengembaraan, operator pelancongan & aktiviti perkhidmatan penempahan lain, aktiviti keselamatan & penyiasatan, aktiviti

perkhidmatan bangunan & landskap dan pentadbiran pejabat dan aktiviti sokongan pejabat & perniagaan lain;

- xi. **Pendidikan** merujuk kepada pertubuhan yang menyediakan perkhidmatan pelajaran akademik, vokasional dan perdagangan. Aktiviti yang diliputi dalam kumpulan ini ialah pendidikan prasekolah & pendidikan rendah, pendidikan menengah, pendidikan tinggi, pendidikan lain dan perkhidmatan sokongan lain;
- xii. **Aktiviti kesihatan kemanusiaan & kerja sosial** termasuk peruntukan bagi aktiviti kesihatan dan kerja sosial. Termasuk pelbagai jenis aktiviti bermula daripada penjagaan kesihatan yang disediakan oleh profesional perubatan terlatih di hospital dan kemudahan lain sehinggalah kepada aktiviti rumah penjagaan dan aktiviti penjagaan kesihatan kepada kerja sosial tanpa penglibatan profesional dalam penjagaan kesihatan;
- xiii. **Kesenian, hiburan & rekreasi** termasuk pelbagai aktiviti bagi memenuhi minat orang awam dalam aktiviti kebudayaan, hiburan & rekreasi meliputi persembahan secara langsung, operasi muzium, perjudian, sukan dan aktiviti rekreasi; dan
- xiv. **Aktiviti perkhidmatan lain** termasuk aktiviti keahlian organisasi, memperbaiki komputer dan barangan persendirian dan isi rumah dan pelbagai aktiviti perkhidmatan persendirian yang tidak diliputi dalam mana-mana klasifikasi MSIC.

7.6 Kategori Aktiviti Ekonomi

Aktiviti ekonomi bagi data survei mulai suku pertama 2018 dikumpul dan diklasifikasi mengikut MSIC 2018 Versi 1.0 berasaskan ISIC *Revision 4*. Industri dikategorikan kepada lima (5) sektor utama iaitu Pertanian, Perlombongan & Pengkuarian, Pembuatan, Pembinaan dan Perkhidmatan. Manakala sektor Pembuatan dan Perkhidmatan dibahagikan kepada subsektor penerbitan seperti berikut:

SEKTOR		SUBSEKTOR
Pertanian		
Perlombongan & Pengkuarian		
Pembuatan	1.	Pembuatan makanan, minuman & produk tembakau
	2.	Produk tekstil, pakaian & kulit
	3.	Produk kayu, perabot, keluaran kertas & percetakan
	4.	Produk petroleum, kimia, getah & plastik
	5.	Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka
	6.	Produk elektrik, elektronik & optikal
	7.	Peralatan pengangkutan, pembuatan lain & pembaikan

SEKTOR	SUBSEKTOR
Pembinaan	
Perkhidmatan	1. Perdagangan borong & runcit
	2. Makanan & minuman dan penginapan
	3. Pengangkutan & penyimpanan
	4. Maklumat & komunikasi
	5. Kewangan, insurans, hartanah & perkhidmatan perniagaan
	6. Perkhidmatan lain

7.7 Kategori pekerjaan

Pekerjaan dikelaskan mengikut Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO) 2020 berasaskan *International Standard Classification of Occupation 2008* (ISCO-08). Klasifikasi ini ditambah baik selaras dengan transformasi proses kerja, bidang pengkhususan suatu tugas dan kemahiran yang lebih kompleks dan dinamik. Pekerjaan dikategorikan kepada sembilan (9) kategori seperti berikut:

- 7.7.1 Pengurus** adalah mereka yang membuat keputusan dan mengambil bahagian dalam penentuan dasar organisasi, merancang, menyusun dan mengarah dalam pentafsiran dan pelaksanaan dasar. Tugas mereka melibatkan tanggungjawab penyusunan keseluruhan organisasi atau untuk satu atau lebih jabatan di dalam sesebuah organisasi.
- 7.7.2 Profesional** ialah mereka yang menjalankan penyelidikan dan menggunakan secara profesional pengetahuan dan kaedah saintifik terhadap penyelesaian pelbagai masalah teknologi, ekonomi, sosial, perindustrian dan kerajaan. Istilah ini pada umumnya digunakan kepada mereka yang mempunyai kelayakan profesional untuk menjalankan tugas-tugas mereka. Contoh pekerjaan dalam kategori ini ialah peguam, akauntan dan jurutera.
- 7.7.3 Juruteknik dan profesional bersekutu** melakukan tugas teknikal dan tugas yang berkaitan dengan penyelidikan dan aplikasi konsep sains atau seni dan kaedah operasi dan peraturan perniagaan. Termasuk dalam kategori ini ialah mereka yang biasanya bekerja di bawah arahan dan penyeliaan profesional seperti juruteknik makmal, juruteknik kawalan kualiti dan ketua fomen. Mereka mengawal, menyelia dan menyelaras kegiatan pekerja di bawah seliaan mereka.
- 7.7.4 Pekerja sokongan perkeranian** menjalankan kerja-kerja merekod, mengurus, menyimpan dan mendapatkan maklumat yang berkaitan dan menjalankan tugas-tugas perkeranian berhubung dengan operasi pentadbiran, pengendalian wang, urusan perjalanan, permintaan maklumat dan janji temu. Termasuk dalam kategori ini ialah kerani, kerani akaun, jurutaip, jurutrenkas, pegawai khidmat pelanggan, setiausaha dan kerani stor.

- 7.7.5 Pekerja perkhidmatan dan jualan** adalah mereka yang menyediakan perkhidmatan peribadi berkaitan dengan perjalanan, pengemasan, katering, penjagaan diri atau perlindungan dari kebakaran dan undang-undang yang berkaitan atau menunjuk cara dan menjual barangan di kedai borong atau runcit dan pertubuhan seumpamanya termasuk di gerai dan pasar. Contoh pekerjaan dalam kategori ini adalah jurujual di kedai dan pasar dan pembantu jualan di kedai.
- 7.7.6 Pekerja mahir pertanian, perhutanan, penternakan dan perikanan** adalah mereka yang menanam dan menuai tanaman ladang atau pokok-pokok renek dan mengumpul buah-buahan, herba dan tanaman liar; menternak, menjaga atau memburu haiwan dan mengeluarkan pelbagai produk ternakan; menanam, memulihara dan mendapatkan hasil hutan; membiak baka atau menangkap ikan; dan memelihara atau mengumpul pelbagai hidupan akuatik lain. Contoh pekerja kategori ini ialah penanam tanaman ladang, pembalak, penanam sayur-sayuran dan pembiak baka haiwan ternakan.
- 7.7.7 Pekerja kemahiran dan pekerja pertukangan yang berkaitan** adalah mereka yang mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran khusus dalam bidang perlombongan dan pembinaan, penempaan logam dan mendirikan struktur logam; membuat, melaras, menyelenggara dan membaik pulih jentera, kelengkapan atau peralatan; menjalankan kerja percetakan; dan mengeluarkan atau memproses barang makanan, tekstil atau kayu, logam dan barangan lain termasuk barang kraftangan. Contoh pekerja kategori ini ialah pembina rumah, tukang kayu dan mekanik.
- 7.7.8 Operator mesin dan loji, dan pemasang** adalah mereka yang mengendalikan dan mengawasi jentera dan kelengkapan perindustrian dan pertanian; memandu dan mengendalikan kereta api, kenderaan bermotor, jentera dan kelengkapan bergerak; atau memasang bahagian komponen produk mengikut spesifikasi dan prosedur yang ketat. Contoh pekerja kategori ini ialah pelombong dan pekerja kuari, pemasang jentera mekanikal, pemandu dan kelasi kapal.
- 7.7.9 Pekerja asas** adalah mereka yang menjalankan tugas yang mudah, rutin dan tidak sistematik yang biasanya memerlukan penggunaan perkakas tangan atau dengan sokongan mesin yang mudah dan memerlukan tenaga fizikal yang banyak. Contoh pekerja kategori ini ialah pekerja pembersihan, penghantar surat dan buruh pembinaan, pertanian, perhutanan, penternakan dan perikanan.

7.8 Kategori Kemahiran

Bagi tujuan pelaporan, kategori pekerjaan telah dikelaskan semula kepada tiga (3) tahap kemahiran seperti berikut:

KEMAHIRAN	MASCO 2020
Mahir	1. Pengurus 2. Profesional 3. Juruteknik dan profesional bersekutu
Separuh Mahir	4. Pekerja sokongan perkeranian 5. Pekerja perkhidmatan dan jualan 6. Pekerja mahir pertanian, perhutanan, penternakan, dan perikanan 7. Pekerja kemahiran dan pekerja pertukangan yang berkaitan 8. Operator mesin dan loji, dan pemasang
Berkemahiran Rendah	9. Pekerja asas

8. PENSAMPELAN

Reka bentuk pensampelan bagi survei ini adalah pensampelan rawak strata satu peringkat. Kategori industri diklasifikasi sebagai strata manakala pertubuhan sebagai unit pensampelan. Setiap strata telah dibentuk kepada beberapa sub-strata untuk memastikan sampel yang diagihkan mengambil kira ciri-ciri ekonomi industri tersebut.

Sub-strata utama bersifat heterogen diliputi secara penuh, manakala sub-strata selainnya yang bersifat homogen dipilih secara rawak. Saiz sampel survei perlu mewakili populasi mengikut keperluan peringkat analisis yang ditetapkan. Saiz sampel survei ini telah mengambil kira elemen berikut:

- Kadar respons survei lepas;
- Jumlah jawatan diisi sebagai pemboleh ubah penentu;
- Peringkat reka bentuk pensampelan; dan
- Ralat maksimum yang disasarkan.

Faktor yang dipertimbangkan bagi memuktamadkan saiz sampel adalah kos, masa dan sumber manusia.

Agihan saiz sampel survei mengikut sektor bagi tahun 2021 hingga 2024 adalah seperti berikut:

SEKTOR	2021	2022	2023	2024
Pertanian	617	631	616	640
Perlombongan & Pengkuarian	265	265	203	222
Pembuatan	3,657	3,683	4,431	4,533
Pembinaan	742	876	1,001	896
Perkhidmatan	6,021	6,607	6,690	6,633
Jumlah	11,302	12,062	12,941	12,924

9. PROSEDUR PENGANGGARAN

Anggaran jawatan diisi berdasarkan rangka pensampelan mengikut industri digunakan sebagai penanda aras dalam penyediaan statistik guna tenaga. Wajaran yang disediakan disesuaikan untuk bilangan sampel tidak respons. Imputasi juga dibuat bagi aktiviti ekonomi yang tidak diliputi dalam survei ini.

10. STATISTIK GUNA TENAGA

Statistik yang dilaporkan dalam penerbitan ini diperoleh daripada Survei Guna Tenaga Suku Tahunan. Statistik guna tenaga dari aspek penawaran buruh juga boleh diperoleh daripada survei isi rumah. Walau bagaimanapun, liputan dan skop serta konsep, definisi dan metodologi survei yang digunakan adalah berbeza berbanding Survei Guna Tenaga Suku Tahunan.

11. PEMBUNARAN

Hasil tambah bagi sesuatu kategori mungkin berbeza dengan jumlah besar tertera di dalam jadual kerana pembundaran secara bebas.

12. NOTA, SIMBOL DAN SINGKATAN

&	dan
dll	dan lain-lain
%	peratus
p	statistik awalan
r	pindaan
ST	Suku Tahun
-	kosong/tiada
0.0	kurang daripada setengah unit terkecil yang ditunjukkan; misalnya kurang daripada 0.05 peratus

1. INTRODUCTION

The Quarterly Employment Survey is conducted to collect information on labour demand for all economic sectors in Malaysia. Statistics obtained through this survey are the number of jobs, filled jobs, vacancies and jobs created by economic activity and category of skill. The statistics is one of the inputs in the planning and formulation of the country's human capital development policy.

2. LEGAL PROVISIONS

The survey is conducted under the provisions of the Statistics Act 1965 (Revised - 1989). Section 5 of this Act requires any establishment operating in Malaysia to provide actual information or best estimate to the Department of Statistics Malaysia (DOSM). Under this Act, the content of the questionnaire is confidential and only aggregated figures are published. Meanwhile, Section 7 under the same Act provides fine to respondents who fail to cooperate to the conducted survey.

3. SCOPE AND COVERAGE

The Quarterly Employment Survey is implemented using establishment approach, covering establishments in the category of large, medium, small and micro. Industry coverage is based on Malaysia Standard Industrial Classification (MSIC) 2008 Version 1.0 which was adopted from the International Standard Industrial Classification (ISIC) Revision 4 issued by the United Nations. The industry is divided into five (5) sectors namely Agriculture, Mining & Quarrying, Manufacturing, Construction and Services with the breakdown as follows:

SECTOR	SECTIONS	DESCRIPTIONS
Agriculture	A	Agriculture, forestry and fishing
Mining & Quarrying	B	Mining and quarrying
Manufacturing	C	Manufacturing
Construction	F	Construction
Services	D	Electricity, gas, steam & air conditioning supply
	E	Water supply; sewerage, waste management & remediation activities
	G	Wholesale & retail trade; repair of motor vehicles and motorcycles
	H	Transportation & storage
	I	Accommodation and food service activities
	J	Information & communication
	K	Financial and insurance activities
	L	Real estate activities
	M	Professional, scientific & technical activities
	N	Administrative & support service activities

SECTOR	SECTIONS	DESCRIPTIONS
Services (cont'd)	O	Public administration and defence; compulsory social security
	P	Education
	Q	Human health & social work activities
	R	Arts, entertainment & recreation
	S	Other service activities
	T	Activities of households as employers; undifferentiated goods and services producing activities of households for own use
	U	Activities of extraterritorial organizations & bodies

This survey covers all economic activities except Activities of households as employers; undifferentiated goods and services producing activities of households for own use; and Activities of extraterritorial organizations and bodies. Labour demand information for Financial and insurance/takaful activities was also collected through Monthly Report on Labour Market Statistics (RLMS) conducted by Central Bank of Malaysia (BNM).

4. REFERENCE PERIOD

This survey is conducted on a quarterly basis with reference to the prior quarterly information. This publication reported annually (2020 - 2023) and quarterly statistics (Q1 2021 - Q3 2024).

5. METHOD OF COLLECTING INFORMATION

Operation of collecting information is online using e-survey mode. Respondents who did not respond to e-survey also have the option of sending questionnaires via email, post or fax modes. Field enumeration and interviews via telephone calls conducted by interviewers from State Offices of DOSM if no response received.

6. REPORTING UNIT

The reporting unit used in the survey was the establishment. An establishment is defined as “an economic unit engaged in one activity, under a single legal entity and operating in a single physical location”. Each establishment was assigned an industry classification based on its principal activity. In the case of a multi-activity entity, units engaged in separate activities in the same location constituted distinct establishments. Thus, each branch of a multi-branch organization at a different location was conceptually treated as a different establishment. The establishment was requested to give separate returns for each activity in terms of value. However, in practice, the records were centrally kept such that it was not possible to obtain separate data for each individual unit or branch. The entity or enterprise was treated as a single reporting unit and allowed to submit a consolidated questionnaire covering all the units or branches.

7. CONCEPTS AND DEFINITIONS

7.1 Jobs

Jobs refer to the total labour required by establishments to produce goods and services at a given point in time, which comprised of filled jobs and vacancies.

7.2 Filled Jobs

Filled jobs refer to the persons employed at the end of each reference quarter.

Includes:

- *Full-time and part-time employees;*
- *Permanent, short-term or seasonal employees;*
- *Employees paid with monthly salaries or based on hours worked;*
- *Employees on short vacation such as sick leave or annual leave; and*
- *Newly hired employees to fill the vacancy in the current quarter.*

Full-time employees:

*Full-time employees refer to those who usually work for **at least** six hours a day and 20 days a month.*

Part-time employees:

*Part-time employees refer to those who usually work for **less** than six hours a day and/or less than 20 days a month.*

Excludes:

- *Proprietors and partners of unincorporated businesses;*
- *Unpaid family workers;*
- *Employees on strike during the quarter;*
- *Employees on unpaid leave during the entire quarter; and*
- *Employees provided by other agencies such as subcontractors and consultants.*

7.3 Vacancies

Vacancies refer to unfilled jobs at the end of each reference quarter. A specific job is considered empty if it meets the following criteria:

- *A specific job exists and ready to be filled. The job can be full-time/part-time, permanent, short-term or seasonal;*
- *The job could start within 30 days, if qualified candidates are available within the period; and*
- *Employers are actively seeking candidates including advertising vacancies, issuing notices, informing public or private employment agencies, or trade unions and/or will contact, interview or select the candidates who have applied.*

Excludes:

- *Jobs to be filled by existing employees due to internal transfers, promotions or demotions, or recall from layoffs;*
- *Starting dates for the jobs is more than 30 days;*
- *Hiring has been made to fill in the jobs, but the employees have not reported for work; and*
- *Jobs to be filled by employees provided by other agencies such as subcontractors and consultants.*

7.4 Jobs Created

Jobs created refer to jobs created in an organisation which were not previously available, including newly created service schemes, jobs created for the promotion of existing employees and increase in the number of jobs from existing structure.

7.5 Industry

Industry is classified according to the MSIC 2008 Version 1.0 based on ISIC Revision 4. Industries are categorised into five (5) sectors namely Agriculture, Mining & Quarrying, Manufacturing, Construction and Services.

7.5.1 Agriculture comprising the activities of growing; breeding and rearing of animals and production of animal products; felling of trees and other plants; as well as capture fishery and aquaculture includes the use/utilisation of plants/vegetal and animals natural resources.

7.5.2 Mining & Quarrying includes the extraction of minerals occurring naturally as solids (coal and ores), liquids (petroleum) or gases (natural gas). Extraction can be executed by different methods such as underground or surface mining, well operation, seabed mining, etc.

7.5.3 Manufacturing includes the physical or chemical transformation of materials, substances or components into new products, whether the work is performed by power-driven machines or by hand, whether it is done in a factory or in the worker's home and whether the products are sold at wholesale or retail. Substantial alteration, renovation or reconstruction of goods is generally considered to be manufacturing.

The Manufacturing sub-sector consists of seven (7) activities namely:

- Food processing, beverages & tobacco products;
- Textiles, wearing apparel & leather products;
- Wood products, furniture, paper products & printing;
- Petroleum, chemical, rubber & plastic products;
- Non-metallic mineral products, basic metal & fabricated metal products;
- Electrical, electronic & optical products; and
- Transport equipment, other manufacturing & repair.

7.5.4 Construction includes general construction and specialized construction activities for buildings and civil engineering works. It consists of new construction, alteration, repair and demolition. Installation of any machinery or equipment which is built-in at the time of the original construction is included, as well as installation of machinery or equipment after the original construction but which requires structural alteration in order to install.

7.5.5 Services related to Electricity, gas, steam & air conditioning supply, Water supply; sewerage, waste management & remediation activities, Wholesale & retail trade; repair of motor vehicles and motorcycles, Transportation & storage, Accommodation and food service activities; Information & communication; Financial and insurance/takaful activities; Real estate activities; Professional, scientific & technical activities; Administrative & support service activities; Education; Human health & social work activities; Arts, entertainment & recreation; and Other service activities.

- i. Electricity, gas, steam & air conditioning supply** are defined as the activity of providing electric power, natural gas, steam, hot water and the like through a permanent infrastructure (network) of lines, mains & pipes. The dimension of the network is not decisive; also included are the distribution of electricity, gas, steam, hot water and the like in industrial parks or residential buildings. This section therefore includes the operation of electric & gas utilities, which generate, control and distribute electric power or gas. Also included is the provision of steam & air-conditioning supply;
- ii. Water supply; sewerage, waste management & remediation activities** comprised of activities related to waste management including collection, treatment & disposal such as scheduled waste, solid waste & waste water from industrial and household, including recovery materials & contaminated sites. The waste from the treatment process can be disposed off or used as input for other production process. Related activities in water treatment and supply are also included in this sector;
- iii. Wholesale & retail trade; repair of motor vehicles & motorcycles** encompass of wholesale & retail sale (i.e. sale without transformation) of any type of goods, and rendering services incidental to the sale of merchandise. Also included repair of motor vehicles and motorcycles;
- iv. Transportation & storage** covers establishments that provide ground services, freight transportation by road, other land transportation, warehousing, and support activities such as terminal operation, parking, highway operation, port operation, cargo handling/unloading, shipping & shipping agencies, as well as other transportation service support activities.
- v. Accommodation and food service activities** refers to the provision of short-term accommodation for visitors and other travellers and the provision of complete meals and drinks fit for immediate consumption. The amount and type of supplementary services provided within this section can vary widely;
- vi. Information & communication** comprised of motion picture, video & television program production, sound recording & music publishing activities, programming & broadcasting activities, telecommunication services, computer programming, consultancy & related activities and information services activities;

- vii. **Financial and insurance/takaful activities** include monetary intermediation activities; other monetary intermediation activities and activities auxiliary to financial services; insurance/takaful, reinsurance/retakaful and pension & provident funding activities; and activities auxiliary to insurance/takaful and pension funding;*
- viii. **Real estate activities** include acting as lessors, agents and/or brokers in one or more of the following: selling or buying real estate, renting real estate, providing other real estate services such as appraising real estate, property management or acting as real estate escrow agents. Activities in this division may be carried out on own or leased property and may be done on a fee or contract basis. Also included is the building of structures, combined with maintaining ownership of leasing of such structures;*
- ix. **Professional, scientific & technical activities** include specialised professional, scientific & technical activities which require a high degree of expertise and training, and specialised knowledge and skills available to users. Activities performed include legal & accounting activities, activities of head offices, management consultancy activities, architecture & engineering activities, technical testing & analysis, scientific research & development, advertising & market research, other professional, scientific & technical activities and veterinary activities;*
- x. **Administrative & support service activities** include a variety of activities that support general business operations including rental & leasing activities, employment activities, travel agency, tour operator & other reservation service activities, security & investigation activities, services to building & landscape activities and office administrative and office support & other business support activities;*
- xi. **Education** refers to establishments that provides academic, vocational and trades education. Activities covered by this group includes pre-primary & primary education, secondary education, higher education, other education and educational support services;*
- xii. **Human health & social work activities** include the provision of health and social work activities. Activities include a wide range of activities, starting from health care provided by trained medical professional in hospitals and other facilities, over residential care activities that still involve a degree of health care activities to social work activities without any involvement of health care professionals;*

xiii. Arts, entertainment & recreation include wide range of activities to meet varied cultural, entertainment & recreational interests of the general public, including live performances, operation of museum sites, gambling, sport and recreation activities; and

xiv. Other service activities include activities of membership organisations, repair of computers and personal and household goods and a variety of personal service activities not covered elsewhere in the MSIC.

7.6 Category of economic Activity

Economic activities for survey data beginning the first quarter 2018 were collected and compiled according to the MSIC 2008 Version 1.0 based on ISIC Revision 4. Industries are categorised into five (5) main sectors namely Agriculture, Mining & Quarrying, Manufacturing, Construction and Services. While Manufacturing and Services further classified into subsectors with the breakdown as follows:

SECTOR	SUBSECTOR
Agriculture	
Mining & Quarrying	
Manufacturing	1. Food processing, beverages & tobacco products
	2. Textiles, wearing apparel & leather products
	3. Wood products, furniture, paper products & printing
	4. Petroleum, chemical, rubber & plastic products
	5. Non-metallic mineral products, basic metal & fabricated metal products
	6. Electrical, electronic & optical products
	7. Transport equipment, other manufacturing & repair
Construction	
Services	1. Wholesale & retail trade
	2. Food & beverages and accommodation
	3. Transportation & storage
	4. Information & communication
	5. Finance, insurance, real estate & business services
	6. Other services

7.7 Occupation category

Occupation is classified according to Malaysia Standard Classification of Occupations (MASCO) 2020 which is based on the International Standard Classification of Occupations 2008 (ISCO-08). This classification was improved in line with the transformation of work process, areas of specialization as well as the complexity and dynamics in skills and tasks. The occupation is categorized into nine (9) categories as follows:

- 7.7.1 Managers** are those who decide or participate in formulating the policy of the organisation, plan, organise and direct the interpretation and execution of policies. Their work involves the responsibility for their organisation as a whole or for one or more departments of an organisation.
- 7.7.2 Professionals** are those who conduct research and apply in a professional capacity scientific knowledge and methods to a variety of technological, economic, social, and industrial problems. The term applies generally to a person who is required to hold a professional qualification to practice. Example of occupations in the category are lawyers, accountants and engineers.
- 7.7.3 Technicians and associate professionals** group perform technical and related tasks connected with research and the application of scientific or artistic concepts and operational methods and business regulations. Included under this category are those usually worked under the direction and supervision of professionals such as laboratory technicians, quality control technicians and chief foremen. They control and coordinate the activities of the workers under their supervision.
- 7.7.4 Clerical support workers** perform tasks record, organise, store and retrieve related information and perform clerical duties especially in connection with administrative operations, handling money, travel arrangements and requests for information and appointments. Included in this category are clerks, accounting clerks, typists, stenographers, customer service officers, secretaries and storekeepers.
- 7.7.5 Service and sales workers** are those who provide personal services related to travel, housekeeping, catering, personal care or protection against fire and unlawful acts or demonstrate and sell goods in wholesale or retail shops and similar establishments as well as at stalls and markets. Examples of employees in this category are stall and market salesperson and shop sales assistant.
- 7.7.6 Skilled agricultural, forestry, livestock and fishery workers** are those who grow and harvest field or tree and shrub crops, gather wild fruit, herbs and vegetables, breed, tend or hunt animals, produce a variety of animal husbandry products, cultivate, conserve and gather other forms of aquatic life. Examples of employees in this category are field crop growers, logger, vegetable growers and breeder of livestock.
- 7.7.7 Craft and related trades workers** are those who apply their specific knowledge and skills in the fields of mining and construction, metal forming and erect metal structures; make, fit, maintain and repair machinery, equipment or tools; carry out printing work; and produce or process foodstuffs, textiles or wooden, metal and other articles including handicraft goods. Examples of employees in this category are house builder, carpenter and mechanics.

7.7.8 Plant and machine operators and assemblers are those who operate and monitor industrial and agricultural machinery and equipment, drive and operate trains, motor vehicles and mobile machinery and equipment or assemble product component parts according to strict specifications and procedures. Examples for this category are miners and quarry workers, mechanical machinery assemblers, drivers and ships' deck crews.

7.7.9 Elementary workers are those who perform simple, routine and non-systematic tasks which mainly require the use of handhold tools or with the assistance of simple machines and in some cases considerable physical effort. Examples for this category are cleaners, dispatch rider and construction, agricultural, forestry, livestock and fishery labourer.

7.8 Category of Skills

For reporting purpose, the category of occupation is regrouped into three (3) levels of skills as follows:

SKILLS	MASCO 2020
Skilled	1. Managers 2. Professionals 3. Technicians and associate professionals
Semi-skilled	4. Clerical support workers 5. Service and sales workers 6. Skilled agricultural, forestry, livestock and fishery workers 7. Craft and related trades workers 8. Plant and machine operators and assemblers
Low-skilled	9. Elementary occupations

8. SAMPLING DESIGN

The sampling design for this survey is stratified single-stage random sample. The industry category is classified as strata while the establishment is classified as the sampling unit. Each stratum has been formed into several sub-strata to ensure that the distributed samples account for the economic characteristics of the industry.

The primary sub-strata which was heterogeneous was assigned full coverage, while other sub-stratas which was homogeneous was randomly selected. The size of the sample must represent the population according to the requirement of the level of analysis stated. The sample size of the survey has taken into consideration the following elements:

- Response rates of the previous survey;
- Number of filled jobs as the variable of interest;
- Level of sampling design; and
- The maximum desired error.

The factors considered to finalise the sample size are cost, time and human resources.

The survey sample size distributions by sector for 2021 to 2024 are as follows:

SECTOR	2021	2022	2023	2024
Agriculture	617	631	616	640
Mining & Quarrying	265	265	203	222
Manufacturing	3,657	3,683	4,431	4,533
Construction	742	876	1,001	896
Services	6,021	6,607	6,690	6,633
Total	11,302	12,062	12,941	12,924

9. ESTIMATION PROCEDURE

The estimation of filled jobs was based on industrial sampling frames by industry used as benchmarks in the provision of employment statistics. The weights provided were adjusted in accordance with the number of non-response samples. Imputation is made for the economic activity which was not covered in this survey.

10. EMPLOYMENT STATISTICS

The statistics published in this report is obtained from the Quarterly Employment Survey. The employment statistics based on labour supply is available from household surveys. However, the scope and coverage as well as the concepts, definitions and survey methodology adopted are different compared to the Quarterly Employment Survey.

11. ROUNDING OF ESTIMATES

The sum of a category may differ from the total number shown in the table due to independent rounding.

12. NOTES, SYMBOL AND ABBREVIATION

&	and
etc	et cetera
%	per cent
p	preliminary statistics
r	revision
Q	Quarter
-	empty/not available
0.0	less than half the smallest units shown; for example less than 0.05 per cent